

Kerajaan mahu PE jadi pilihan perniagaan tempatan

Oleh **FADZIL ZAINOL**

ekonomi@utusan.com.my

KUALA LUMPUR 9 Sept. - Kerajaan komited untuk memastikan firma-firma pelabur persendirian (PE) menjadi sumber baharu kepada peniaga-peniaga tempatan untuk mendapatkan modal perniagaan berbanding pinjaman bank atau penyenaraian di bursa.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdul Wahid Omar berkata, PE bukan sahaja memberi suntikan modal tetapi juga menawarkan bantuan teknikal serta jaringan perniagaan yang lebih baik.

Beliau berkata, dalam usaha menarik kehadiran PE asing ke Malaysia, kerajaan telah memperkenalkan pelbagai insentif perniagaan.

Malah katanya, kerajaan berhasrat menjadikan Malaysia sebagai pusat PE asing di peringkat serantau.

"PE merupakan kaedah terbaharu dalam usaha meningkatkan perniagaan di negara ini. Malah, hal itu selari dengan sasaran kerajaan memastikan pihak swasta menjadi penggerak utama ekonomi negara," katanya selepas melancarkan Forum Pelaburan Persendirian Malaysia di sini hari ini.

Yang turut hadir, Pengerusi Ekuiti Nasional Bhd. (Ekuinas), Raja Tan Sri Arshad Raja Uda dan Ketua Pegawai Eksekutif Ekuinas, Datuk Abdul Rahman Ahmad.



ABDUL Rahman Ahmad (kanan) bercakap kepada media pada sidang akhbar Forum Ekuiti Malaysia di Kuala Lumpur, semalam. Turut kelihatan Abdul Wahid Omar (tengah) dan Raja Tan Sri Arshad Raja Uda. - UTUSAN/ WAHIDIN SALIM

Abdul Wahid berkata, kerajaan selama ini pun telah mengalakkan syarikat-syarikat pelaburan milik kerajaan (GLIC) bertindak selaku PE di pasaran tempatan dan antarabangsa.

Beliau berkata, satu daripadanya ialah Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) yang mempunyai dana sebanyak RM600 bilion dan merupakan antara pemain utama dalam sektor tersebut.

Satu daripada syarikat popular yang didokong oleh PE ialah QSR Brands (M) Holdings Sdn. Bhd. yang mengendalikan jenama makanan segera seperti Pizza Hut, Kentucky Fried Chicken (KFC), RasaMas, Ke-

dai Ayamas. KWSP bersama PE asing, CVC Capital Partners merupakan pemilik QSR Brands.

Sementara itu, Abdul Rahman berkata, Ekuinas menjangka untuk melengkapkan pelaburan sebanyak RM500 hingga RM600 juta tahun ini, ke atas beberapa syarikat yang sedang dinilai.

Katanya, sepanjang tahun ini, Ekuinas telah membelanjakan hampir RM400 juta dalam dua syarikat iaitu syarikat kapal tangki Produk Petroleum Bersih (CPP) Orkim Sdn. Bhd. dan CoolBlog, sebuah syarikat dalam sektor francais manisan dan minuman tempatan.